



**GARIS PANDUAN PENGGUNA
VIRTUAL PRIVATE NETWORK (VPN)
BAGI SISTEM e-TANAH
NEGERI SELANGOR**

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
2024**

Versi 1.0	Garis Panduan Virtual Private Network (VPN) Bagi Sistem e-Tanah Negeri Selangor	03/12/2024
-----------	--	------------

REKOD PINDAAN

BIL	TARIKH PINDAAN	RINGKASAN PINDAAN	KELULUSAN	TARIKH KUATKUASA
1.	-	Kuatkuasa pertama	Mesyuarat JKTO Bil.12 2024	09/12/2024
2.				
3.				
4.				
5.				

Versi 1.0	Garis Panduan Virtual Private Network (VPN) Bagi Sistem e-Tanah Negeri Selangor	03/12/2024
-----------	--	------------

ISI KANDUNGAN		MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	4
2.0	LATAR BELAKANG	4
3.0	SKOP	4
4.0	DEFINISI	4
5.0	PELAKSANAAN VPN	5
6.0	PERMOHONAN VPN	6
7.0	TANGGUNG JAWAB PENGGUNA VPN	6
8.0	PEMATUHAN	7
9.0	PENAFIAN	7

Versi 1.0	Garis Panduan Virtual Private Network (VPN) Bagi Sistem e-Tanah Negeri Selangor	03/12/2024
-----------	--	------------

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi sambungan capaian jarak jauh (*remote access*) *Virtual Private Network (VPN)* ke rangkaian Sistem e-Tanah.

2.0 LATAR BELAKANG

PTGS menyediakan perkhidmatan *Virtual Private Network (VPN)* untuk membolehkan pengguna mencapai rangkaian e-Tanah melalui rangkaian awam (Internet). Perkhidmatan ini memberi kemudahan kepada pengguna mencapai sistem e-Tanah yang hanya boleh dicapai melalui rangkaian dalaman sahaja (Intranet).

3.0 SKOP

Garis Panduan ini terpakai untuk semua pengguna sistem e-Tanah yang memerlukan kemudahan VPN bagi capaian sistem e-Tanah dari luar pejabat.

4.0 DEFINISI

Perkataan / Singkatan Umum	Definisi
VPN	<i>Virtual Private Network (VPN)</i> adalah sambungan rangkaian persendirian capaian jarak jauh di antara peralatan pengguna (contoh: peralatan ICT e-Tanah dan jabatan) ke rangkaian e-Tanah melalui rangkaian awam (Internet) secara selamat.
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat
PTGS	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah

Versi 1.0	Garis Panduan Virtual Private Network (VPN) Bagi Sistem e-Tanah Negeri Selangor	03/12/2024
-----------	--	------------

PTSB	Puncak Tegap Sdn. Bhd.
e-Tanah	Merujuk sebuah sistem pentadbiran tanah secara elektronik yang dibangunkan dengan integrasi sistem dari pelbagai agensi Kerajaan lain selaras dengan visi kerajaan ke arah pendigitalan sektor awam.

5.0 PELAKSANAAN VPN

- a) Kemudahan VPN hanya diberikan kepada kakitangan PTGS dan PDT bagi tujuan melaksanakan tugas rasmi pada sistem e-Tanah dan mendapat kelulusan PTGS.
- b) Permohonan kemudahan VPN perlu dibuat secara rasmi kepada Bahagian Teknologi Maklumat, PTGS melalui Borang Pengurusan ID Pengguna Dalaman – Aplikasi e-Tanah yang boleh dicapai di Portal Rasmi PTGS.
- c) Setelah permohonan diluluskan, PTSB akan memasang sambungan VPN ini dengan menggunakan perisian yang telah ditetapkan oleh PTSB. Sebarang penggunaan perisian selain daripada yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan.
- d) BTM PTGS berhak untuk menetapkan tempoh tertentu penggunaan kemudahan VPN yang diberikan.
- e) Pengguna hanya akan diberikan kemudahan VPN bagi tujuan rasmi capaian sistem e-Tanah sahaja dan permohonan perlu mendapatkan sokongan daripada Ketua Jabatan/Unit/Bahagian dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah Pendaftaran PTGS.

Versi 1.0	Garis Panduan Virtual Private Network (VPN) Bagi Sistem e-Tanah Negeri Selangor	03/12/2024
-----------	--	------------

6.0 PERMOHONAN VPN

Berikut adalah panduan permohonan untuk menggunakan perkhidmatan VPN sistem e-Tanah:

- a) Pemohon perlu mengisi Borang Pengurusan ID Pengguna Dalam - Aplikasi e-Tanah
- b) Permohonan tersebut hendaklah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan/Unit/Bahagian dan seterusnya mendapatkan kelulusan penggunaan ID VPN oleh Timbalan Pengarah (Pendaftaran) PTGS. Borang tersebut perlu dihantar ke BTM PTGS untuk tindakan lanjut.
- c) Pemakluman kelulusan permohonan akan diberi maklumbalas melalui e-mel rasmi kepada pemohon.
- d) Setelah permohonan ID VPN diluluskan, pemasangan perisian VPN ke peralatan ICT e-Tanah dan jabatan akan dilaksanakan oleh pihak PTSB. Tatacara penggunaan VPN akan dijelaskan oleh pihak PTSB kepada pengguna.

7.0 TANGGUNGJAWAB PENGGUNA VPN

- a) Peralatan ICT e-Tanah dan Jabatan yang akan digunakan untuk membuat penyambungan VPN ke rangkaian e-Tanah mestilah mematuhi dasar dan garis panduan keselamatan yang berkaitan dan berkuatkuasa.
- b) Peralatan ICT e-Tanah dan Jabatan yang digunakan untuk mencapai rangkaian e-Tanah melalui VPN mestilah dilengkapi perisian antivirus dan perisian pengoperasian yang dikemaskini dengan versi terkini.
- c) ID VPN dan kata laluan yang diberikan mestilah dilindungi dan tidak dikongsikan dengan individu lain.

Versi 1.0	Garis Panduan Virtual Private Network (VPN) Bagi Sistem e-Tanah Negeri Selangor	03/12/2024
-----------	--	------------

- d) Pengguna yang diberi kemudahan VPN bertanggungjawab untuk memastikan kemudahan ini tidak disalah guna.
- e) Memaklumkan kepada BTM PTGS dengan segera sekiranya mengesyaki akaun VPN telah disalahguna atau berlakunya insiden keselamatan ICT.

8.0 PEMATUHAN

- a) Pihak PTGS berhak untuk menarik semula kemudahan VPN jika pengguna didapati tidak mematuhi garis panduan ini.
- b) Sebarang ketidakpatuhan Garis Panduan ini yang berkaitan kawalan keselamatan maklumat, tindakan yang akan diambil adalah merujuk kepada Dasar Keselamatan ICT PTGS.
- c) ID VPN akan ditamatkan secara automatik setelah sebulan tidak diakses oleh pengguna.
- d) Sekiranya pemohon hendak membuat permohonan penyambungan semula atau melanjutkan tempoh penggunaan VPN, pemohon hendaklah membuat permohonan melalui e-mel dengan menyertakan borang permohonan yang lama kepada BTM PTGS.

9.0 PENAFIAN

Perkhidmatan VPN yang disediakan bukan hak mutlak warga PTGS dan PDT. Ia adalah kemudahan yang tertakluk kepada peraturan DKICT PTGS yang sedang berkuatkuasa dan boleh ditarik semula atau ditamatkan jika penggunaannya melanggar peraturan yang telah dinyatakan di dalam Garis Panduan VPN ini. PTGS tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan data, kebocoran maklumat atau pencerobohan akaun VPN yang telah diberikan ini.



**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
2024**

